

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **DATUK JOHN AMBROSE**
TARIKH : **24 JULAI 2019 (RABU)**

SOALAN NO. 14

Datuk John Ambrose minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah terdapat satu pangkalan data (database) terkini untuk wanita, keluarga dan masyarakat yang memerlukan bantuan dari pihak Kementerian kerana senarai sedia ada (eKasih, 1Azam, Baitulmal dan lain-lain) didapati bertindih dan merangkumi senarai nama orang yang sama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Kerajaan masih belum mempunyai satu pangkalan data khusus yang diguna pakai bagi menyelaraskan pemberian bantuan Kerajaan kepada individu yang memerlukan bantuan kebajikan.

Namun, Kerajaan telah memulakan inisiatif pewujudan satu pangkalan data, iaitu **Pangkalan Data Kemiskinan Nasional (eKasih)** kendalian Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM). eKasih adalah pangkalan data kemiskinan nasional yang dibangunkan bertujuan untuk **mendaftarkan** golongan miskin di Malaysia dan **mengklasifikasikan kepada kategori** Miskin Tegar atau Miskin berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa melalui proses verifikasi di lapangan. Kriteria penetapan kategori kemiskinan adalah bergantung kepada **jumlah pendapatan perkapita isi rumah** dan berasaskan kepada formula perkiraan yang telah disediakan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan juga Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2016 ataupun *Household Income Survey 2016*. Pangkalan data ini juga dijadikan rujukan oleh Kementerian atau Agensi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam program pembasmian kemiskinan termasuk program-program pemberian bantuan.

Walau bagaimanapun, di peringkat Kementerian, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah membangunkan **Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (e-Bantuan)** sejak 2007 bagi memudahkan proses pengurusan bantuan, proses bayaran, pemantauan dan pengumpulan statistik seperti statistik bantuan serta penerima bantuan JKM. Sistem e-Bantuan boleh diakses oleh pihak JKM Ibu Pejabat, JKM Negeri, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD), agensi lain yang berkaitan dan juga orang awam.

SOALAN NO. 14

Orang awam boleh melayari Sistem e-Bantuan bagi tujuan membuat permohonan dan semakan bantuan. Skim bantuan yang direkodkan di dalam Sistem e-Bantuan meliputi skim bantuan persekutuan dan bantuan negeri yang diberikan secara bulanan serta bantuan sekali gus seperti berikut:

- (i) Skim Bantuan Bulanan
 - a) Bantuan Am Persekutuan
 - b) Bantuan Am Negeri
 - c) Bantuan Kanak-Kanak (BKK)
 - d) Bantuan Orang Tua (BOT)
 - e) Elaun Pekerja Cacat (EPC)
 - f) Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar (BPT)
 - g) Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)
 - h) Bantuan Anak Pelihara (BAP)
 - i) Bantuan Latihan Perantis

- (ii) Bantuan Sekali Gus
 - a) Geran Pelancaran (GP)
 - b) Bantuan Alat Tiruan/Alat Sokongan
 - c) Tabung Bantuan Segera

Berbalik kepada isu pertindihan data dan maklumat dalam sistem data sedia ada, Kementerian ini mengambil maklum dan Kerajaan juga telah meneliti keperluan pengaktifan semula Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) sebagai badan induk penyelarasan dasar dan program perlindungan sosial bagi memperkasa sistem perlindungan sosial negara. Penelitian ini adalah selaras dengan keperluan untuk menambah baik sistem perlindungan sosial bagi mewujudkan satu sistem yang lebih bersepadu, cekap dan berkesan. Ini kerana, isu kebajikan sosial adalah isu yang diletakkan di bawah Senarai III – Senarai Bersama dalam Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan di mana kawalan dan seliaan mengenai perkara ini perlu dibuat oleh satu badan induk bagi menangani isu pertindihan untuk jangka masa panjang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN BATHMAWATHI KRISHNAN
TARIKH : 24 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 45

Puan Bathmanathan Krishnan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan samada Kementerian meningkatkan usaha untuk mengenal pasti dan mendaftar OKU terutama sekali di kawasan luar bandar, dalam kalangan orang asli, di kawasan-kawasan pedalaman Semenanjung dan juga Sabah dan Sarawak dengan kerjasama agensi-agensi lain, memandangkan pendaftaran OKU masih rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengadakan pelbagai program *outreach* di antaranya yang melibatkan kawasan perkampungan orang asli di Tapah, Perak, kawasan rumah panjang di Sarawak, kawasan pendalaman FELDA di Mersing, Johor, Sungai Besar, Selangor dan Kampung Terengganu.

Program *outreach* ini melibatkan berbagai agensi termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Jabatan Pendaftaran Negara, Ketua Penduduk dan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) OKU.

Kementerian juga akan menggiatkan lagi usaha turun padang seperti ini pada masa akan datang dengan penglibatan agensi berkaitan dengan kerjasama PSK OKU yang akan dikenal pasti.

Tuan Yang di-Pertua,

Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) dilaksanakan secara sukarela dan tidak diwajibkan. Oleh itu, bilangan OKU yang berdaftar dengan JKMM hanya sebanyak 1.6 peratus. Statistik sehingga 30 Jun 2019 menunjukkan seramai 549,554 orang telah berdaftar sebagai OKU dalam Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU). Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyasarkan jumlah OKU di sesebuah negara adalah hampir 15 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk. Ini bermakna anggaran bilangan OKU di Malaysia adalah seramai hampir 4.8 juta orang berdasarkan jumlah penduduk Malaysia yang telah mencecah 32.4 juta.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pendaftaran OKU masih rendah. Antaranya perasaan stigma dan pandangan negatif masyarakat terhadap OKU dan sikap ibu bapa yang tidak dapat menerima anak mereka sebagai OKU. Terdapat juga di kalangan ibu bapa yang masih mengharap anak OKU mereka yang masih berada di peringkat awal usia kanak-kanak akan dapat dipulihkan dan tidak lagi menjadi OKU. Ibu

SOALAN NO. 45

bapa juga mendapati sekiranya anak mereka didaftarkan sebagai OKU mereka akan menghadapi masalah untuk mendapat liputan perlindungan insurans termasuk liputan rawatan perubatan di hospital swasta kepada anak OKU.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN RAJ MUNI BINTI SABU
TARIKH : 24 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 64

Puan Raj Muni Binti Sabu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tindakan yang di ambil bagi memastikan penderaan rumah tangga dan kanak-kanak yang berpunca daripada penagihan dadah kerana statistik menunjukkan bahawa sebanyak 83% daripada 309 kes keganasan rumah tangga berpunca daripada penagihan dadah antara tahun 2015-2018 dan sebanyak 561 kanak-kanak didera kerana penagihan dadah tahun lepas.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu keganasan rumah tangga, Kementerian mengambil tindakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]. Menerusi akta ini kerajaan memperuntukkan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya. Tindakan segera akan dijalankan bersama agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), mahkamah dan agensi yang berkaitan bagi memastikan segala bentuk keganasan rumah tangga dan penderaan dapat dibendung.

Sepanjang tahun 2105-2018 sebanyak 3,573 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan. Daripada jumlah tersebut 309 kes melibatkan penagihan dadah iaitu 8.65%.

Pada tahun 2018 sejumlah 602 kes telah dilaporkan, yang mana melibatkan 82 orang kanak-kanak dan faktor melibatkan penagihan dadah berjumlah 43 orang (termasuk kanak-kanak).

Di bawah peruntukan Akta 521, kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah dilindungi sepenuhnya dari sebarang bentuk penderaan. Oleh itu, mangsa keganasan rumah tangga boleh memohon perlindungan seperti Perintah Perlindungan Interim (IPO), Perintah Perlindungan (PO) dan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO). Kanak-kanak yang didapati menjadi mangsa keganasan rumah tangga akan dirujuk kepada Pelindung untuk diberi perlindungan dan intervensi yang bersesuaian seperti diletakkan di tempat selamat atau ditempatkan bersama Orang Yang Layak (OYL).

Akta 521 ini juga dibaca bersama dengan peruntukan Kanun Keseksaan [Akta 574] yang mana pelaku boleh dikenakan tindakan undang-undang kerana menyebabkan keganasan rumah tangga itu berlaku.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **PUAN LIM HUI YING**
TARIKH : **24 JULAI 2019 (RABU)**

SOALAN NO. 100

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha Kerajaan yang sedia ada mahupun plan masa hadapan untuk merealisasikan janji memastikan sekurang-kurangnya 30 peratus perwakilan wanita sebagai pembuat dasar di setiap peringkat pentadbiran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengumuman Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan Sektor Awam pada 24 Ogos 2004 bermatlamat untuk melepasi 30 peratus dan mencapai kesaksamaan gender dengan penglibatan sepenuhnya dan secara efektif dalam pembangunan negara. Berdasarkan rekod daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), peratus wanita dalam pengurusan tertinggi di sektor awam telah meningkat daripada 33.0 peratus pada tahun 2014 kepada 35.1 peratus pada tahun 2015 dan terkini kepada 36.1 peratus bagi tahun 2018. Terkini, ramai wanita telah dilantik pertama kali ke jawatan kepimpinan tertinggi di Malaysia seperti Ketua Hakim Negara (Datuk Tengku Maimun Tuan Mat), Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Puan Latheefa Koya), Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (Dr Hasnita Hashim) dan Pengerusi Kumpulan Pemodalan Nasional Bhd (Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz). Selain itu, YBhg. Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus turut telah dilantik sebagai Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM). Beliau merupakan wanita kedua dilantik untuk menerajui bank pusat selepas Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz. Peningkatan ini diharap akan dapat diteruskan pada tahun-tahun akan datang.

Kerajaan masih meneruskan Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan di Sektor Korporat yang telah diumumkan pada tahun 2011. Berdasarkan senarai Bursa Malaysia, setakat tahun 2018, terdapat 24.4 peratus daripada 100 syarikat tersenarai awam tertinggi (*Public Listed Companies*) yang telah mempunyai wanita sebagai ahli dalam Lembaga Pengarahnya berbanding 19.2 peratus pada tahun 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian pada ketika ini turut sedang dalam proses mengkaji semula keberkesanan Dasar dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Negara (PTPWN) melalui satu kajian mengarusperdana gender (*gender*

SOALAN NO. 100

mainstreaming) yang sedang dijalankan dengan kerjasama *United Nations Development Programme* (UNDP). Kajian yang sedang dijalankan ini akan membantu Kementerian menyediakan pelan tindakan yang lebih baik dan komprehensif dengan mengambil kira isu-isu yang dihadapi oleh wanita termasuk dari aspek pembuatan keputusan dan juga penglibatan dalam politik. Dapatan kajian akan digunakan untuk menambahbaik dasar dan pelan tindakan bagi memastikan penglibatan wanita dalam pentadbiran dan pembangunan negara yang efektif.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya berharap wanita-wanita yang memegang portfolio dalam Kerajaan baharu dapat menunjukkan contoh yang terbaik daripada segi prestasi dan integriti supaya Kerajaan dan rakyat akan terus memberi mandat kepada wanita di masa hadapan. Saya menyeru agar Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini turut menyokong pemerkasaan agenda wanita dan memberikan peluang kepada wanita dalam proses pembangunan kesejahteraan negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN HAJAH RAHEMAH BINTI IDRIS
TARIKH : 24 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 104

Puan Hajah Rahemah Binti Idris minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah persediaan Kementerian dalam mendepani Malaysia sebagai sebuah negara tua menjelang tahun 2030 dengan 15 peratus penduduk Malaysia berumur 60 tahun ke atas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada data unjuran penduduk oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, negara kita akan mencapai status negara tua pada tahun 2030 dengan jumlah warga emas seramai 5.80 juta orang atau 15.3% daripada jumlah penduduk.

Sebagai persediaan ke arah menghadapi negara mencapai status negara tua, Kerajaan telah mengambil langkah awal dengan menggubal Dasar Warga Tua sejak tahun 1995. Dasar tersebut telah disemak semula dan dipinda pada tahun 2011 selaras dengan perubahan demografi, keperluan semasa dan cabaran masa hadapan. Di samping itu, Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (DWEN) juga telah digubal dan dilaksanakan bagi tempoh sepuluh tahun iaitu dari tahun 2011 hingga tahun 2020. Kementerian juga sedang dalam proses menyemak semula Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN), 2019-2030 bagi menambah baik perancangan program/aktiviti serta pelaporan dan pemantauan PTWEN.

Pelbagai inisiatif telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian ini bersama Kementerian dan agensi lain di bawah DWEN sebagai persediaan dalam memastikan kesejahteraan warga emas menjelang tahun 2030. Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuk mempromosi dan memberi advokasi kepada warga emas untuk menjalani kehidupan yang positif dan aktif, mempertingkatkan kemudahan yang mesra warga emas, menambah baik piawaian perkhidmatan penjagaan kesihatan, meningkatkan keselamatan sosial serta melaksanakan kajian yang berkaitan dengan isu penuaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun ini, Kementerian sedang menggubal satu perundangan khas warga emas iaitu Kajian Kandungan, Pendekatan Dan Skop Bagi Pewujudan Satu Akta Khusus Untuk Warga Emas Di Malaysia dijangka akan selesai pada bulan Ogos 2020. Antara hasil yang dijangka daripada

kajian ini adalah satu draf rang undang-undang warga emas yang akan memfokuskan kepada perlindungan hak asasi dan kesejahteraan warga emas. Memandangkan pelaksanaan akta ini kelak akan memberi impak kepada rakyat termasuk agensi kerajaan yang akan menguatkuasakannya, beberapa sesi konsultasi akan diadakan bersama pemegang taruh yang terdiri daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri, pihak berkuasa tempatan, pihak swasta, ahli akademik, pertubuhan bukan Kerajaan dan juga komuniti.

Kementerian juga sedang melaksanakan Kajian Diagnostik Bagi Membentuk Model Penjagaan Warga Emas Jangka Masa Panjang Yang Bersepadu dan Mampan di Malaysia yang dijangka selesai pada bulan Ogos 2020. Hasil yang dijangkakan adalah pembentukan model pembiayaan serta model penjagaan yang bersepadu serta pelan tindakan pelaksanaan penjagaan jangka masa panjang. Kajian ini akan mengambil kira keperluan jagaan kesihatan dan sosial di institusi serta di komuniti.

Selain daripada mengadakan kajian bagi menyediakan *baseline* untuk tujuan perancangan jangka panjang, Kementerian melalui kolaborasi dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (KHEE) dan *United Nations Development Programme* (UNDP), akan melaksanakan projek daerah mesra warga emas atau dengan izin *age-friendly city* melalui projek rintis di Taiping, Perak. Projek rintis selama dua tahun ini (2019–2020) merupakan fasa pertama projek yang akan dijalankan berdasarkan panduan *age-friendly city* daripada *World Health Organisation* (WHO). Satu kerangka kerja bagi pewujudan daerah mesra warga emas ini akan dihasilkan yang mana boleh diguna pakai oleh pihak berkuasa tempatan lain kelak.

Lain inisiatif yang sedang dilaksanakan juga termasuk Program Khidmat Bantu Rumah (*Home Help*), Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan Program Intergenerasi untuk menggalakkan penjagaan berasaskan komuniti, pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan warga emas, pemberian Bantuan Orang Tua (BOT) sebanyak RM350 sebulan seorang kepada yang layak serta pelepasan cukai kepada anak-anak untuk penjagaan dan rawatan perubatan ibu dan bapa.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian yakin bahawa pelaksanaan segala inisiatif yang dinyatakan ini merupakan satu bentuk rancangan rapi sebagai persediaan Malaysia ke arah menghadapi negara tua. Kementerian ingin menekankan bahawa pelaksanaan inisiatif ini merupakan tanggungjawab bersama semua pihak dan memerlukan komitmen dan kolaborasi sepenuhnya di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pihak swasta, ahli akademik, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), komuniti, keluarga dan warga emas sendiri. Kementerian akan terus komited dan mengalu-alukan kerjasama semua pihak termasuk Ahli-Ahli Yang Berhormat Senator sekalian untuk bekerjasama dengan Kementerian dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam memberikan sokongan terhadap semua inisiatif yang dilaksanakan untuk golongan warga emas.